




JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

20 NOVEMBER 2024 (RABU)

Tackling Antimicrobial Resistance in The Animal Health Sector

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Pendapat	Online	19 Nov



WORLD Antimicrobial Awareness Week (WAAW) is observed annually from 18-24 November to raise awareness, promote understanding, and encourage best practices among all stakeholders to combat antimicrobial resistance (AMR). This year's theme, "Educate, Advocate and Act Now", highlights the need to educate stakeholders about AMR, advocate for bold commitments, and take concrete actions to prevent and address AMR.

A 2014 report projected that the failure to contain AMR

could lead to 10 million deaths globally by 2050. 1 Similarly, a 2024 report by the World Organisation for Animal Health and the World Bank estimated that AMR could reduce global economic output by USD1.5 trillion annually. Malaysia recorded 3,500 AMR-related deaths in 2019 alone, underscoring the urgency of addressing this clear and present danger.

AMR refers to resistance to antibiotics, antivirals, antifungals, and antiparasitics. A multisectoral,

multidisciplinary, and multi-stakeholder approach is needed to combat this issue. On 26 th September 2024, the United Nations General Assembly High Level

Meeting on Antimicrobial Resistance endorsed a political declaration to tackle AMR, reinforcing commitments to reduce its impact on humans, animals, and the environment. Since 2017, Malaysia has acted by forming the National Antimicrobial Resistance Committee (NARC) which coordinates efforts to combat AMR through the implementation of the Malaysian Action Plan on Antimicrobial Resistance (MyAP-AMR).

Antimicrobials are used in humans, animals, and plants, making it essential to engage all stakeholders to increase awareness and encourage urgency to tackle AMR effectively. In the animal health sector, various measures have already been implemented, but there is a need to strengthen and enhance these initiatives.

The Role Of Education And Awareness

A lack of awareness and insufficient knowledge of the mechanisms and risks of drug resistance exacerbate AMR in animals while its spread to humans and the

environment has been reported. Continuous education programmes are crucial to inform stakeholders about AMR and its implications.

Phasing Out Antimicrobial Use As Growth Promoters

The use of antimicrobials in animal feed as growth promoters impacts AMR. Recognising this, Malaysia's Department of Veterinary Services has banned 14 antimicrobials for use in feed additives and growth promoters. This aligns with global efforts to phase out medically important antimicrobials for non-therapeutic purposes.

Strengthening Veterinary Prescriptions

Understanding infections and proposing appropriate treatment should be based on proper evaluation by professionals. Veterinarians should use treatment guidelines and the use of antimicrobial sensitivity tests (AST) to identify the microbes causing the infections. Narrow-spectrum antimicrobials should be used as compared to broad-spectrum ones to reduce the occurrence of AMR.

Continuous reporting of antimicrobial use and AST results by private practitioners to the Department of Veterinary

Services is vital for monitoring the impact and spread of AMR and assessing the effectiveness of interventions.

Exploring Alternatives To Antimicrobials

Evidence-based alternatives, such as organic acids and their salts, phytogenic additives, prebiotics, probiotics, and direct-fed microbial enzymes, should be considered for use in the animal industry. However, its use must consider cost, efficacy, and its unintended consequences.

Enhancing Biosecurity Measures

Reducing antimicrobial use in farms necessitates robust biosecurity measures, including customised vaccination programmes, proper nutrition, and effective animal husbandry practices such as proper hygiene, sanitation, and management of manure. Improved housing systems for farm animals, such as closed-house farming systems for poultry and swine will enhance productivity, reduce disease burden, and lower mortality rates. Despite their benefits, adoption remains low in Malaysia. Government support in streamlining approvals and reducing costs could facilitate wider adoption. Closed-house farming systems not only

improve animal health and productivity but also mitigate the environmental impact of farming. Collaboration between the public and private sectors is essential to modernise farming infrastructure. Such

initiatives would position Malaysia's agricultural sector for sustainable growth while addressing critical issues like antimicrobial resistance.

Addressing Online Sales And Disposal Practices

The unregulated online sales of antimicrobials and illegal drugs contribute to self-medication and AMR. Strict enforcement of regulations and public reporting through platforms such as <https://moh.spab.gov.my> is essential. Veterinarians should also educate farmers and pet owners about the proper disposal of expired or unused antimicrobials to minimise environmental exposure.

Antimicrobials are essential for treating infections, but their use must be prudent, responsible, and appropriate. Addressing AMR requires collective responsibility from all stakeholders, emphasising solutions and collaboration. WAAW 2024 is a crucial opportunity to unite efforts in combating this global challenge with a whole-of-society approach.-

MALAYSIAGAZETTE

Sarawak Perlu 1,000 Doktor Haiwan Menjelang 2030 - Dr Rundi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Nasional	Online	19 Nov



Gambar hiasan

KUCHING, 19 November- Sarawak memerlukan sekurang-kurangnya 1,000 doktor haiwan bertauliah termasuk saintis haiwan dan pakar perubatan veterinar menjelang 2030.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Kemajuan Wilayah Sarawak Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom berkata pada masa ini terdapat sebanyak 96 doktor haiwan yang bekerja di sektor awam dan swasta di negeri ini.

Beliau berkata bagi

menangani kekurangan kritikal doktor haiwan di Sarawak, penubuhan sebuah pusat pengajian perubatan veterinar di Semenggok telah dicadangkan.

Dr Rundi berkata kementerianya bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak (MEITD) dalam merealisasikan penubuhan pusat berkenaan.

“Beberapa pertemuan antara kementerian saya dan MEITD bersama Universiti Putra

Malaysia (UPM) telah diadakan untuk membincangkan dan memuktamadkan model pengurusan bagi cadangan pusat pengajian perubatan veterinar,” katanya.

“Dengan penubuhan pusat pengajian ini, ia akan memperkukuh perkhidmatan veterinar di Sarawak bagi membasmi penyakit zoonosis dan mempercepat pembangunan industri ternakan bernilai RM3 bilion di Sarawak,” katanya dalam ucapan penggulungan pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak di sini, hari ini.

Sementara itu, Dr Rundi berkata kementeriannya dalam peringkat akhir menyiapkan cadangan penubuhan Jabatan Perikanan Sarawak, yang dijangka dibentangkan kepada Kabinet Sarawak menjelang suku pertama 2025.

Beliau berkata jabatan berkenaan akan menerajui kemajuan pembangunan perikanan di Sarawak di samping mengutamakan pemuliharaan sumber perikanan bagi memastikan kelestariannya untuk generasi akan datang. –

[BERITARTM](#)

1,000 Doktor Haiwan Diperlukan di Sarawak Menjelang 2030

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVS	Berita Sarawak	Online	19 Nov



Sarawak memerlukan sekurang-kurangnya 1,000 doktor haiwan yang berkelayakan termasuk saintis haiwan dan paraveterinar menjelang tahun 2030. Foto hiasan Envato

KUCHING, 19 Nov: Sarawak memerlukan sekurang-kurangnya 1,000 doktor haiwan yang berkelayakan termasuk saintis haiwan dan paraveterinar menjelang tahun 2030.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom berkata, ketika ini hanya terdapat 96 doktor haiwan yang berkhidmat dalam sektor awam dan swasta di Sarawak.

Sehubungan itu beliau

berkata, institusi perubatan veterinar di Semenggok telah dikemukakan bagi menangani kekurangan kritikal doktor haiwan di negeri ini.

“Kementerian saya (M-FICORD) sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak (MEITD) untuk merealisasikan penubuhan institusi perubatan veterinar ini.

“Beberapa sesi perbincangan

M-FICORD, MEITD dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah diadakan bagi membincangkan dan memuktamadkan model pengurusan yang dicadangkan, dan Senat UPM telah meluluskan model pengurusan yang dicadangkan oleh Pasukan Petugas," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan penggulungan kementeriannya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak hari ini.

Dengan penubuhan institusi berkenaan, Dr Rundi memaklumkan perkhidmatan veterinar di Sarawak akan diperkukuh bagi membasmi penyakit zoonotik serta mempercepatkan pembangunan industri ternakan yang bernilai RM3 bilion.

Dalam pada itu beliau mendedahkan, M-FICORD melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sarawak, telah membentangkan cadangan penyusunan semula untuk tambahan 566 jawatan kepada Jawatankuasa Pembangunan Organisasi Sarawak (SODC) yang telah dipersetujui secara prinsip pada 21 Ogos lalu. – [TVS](#)

Sarawak Perlukan Sekurang-kurangnya 1,000 Doktor Veterinar Bertauliah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Sarawak	Online	19 Nov



Dr Rundi (dua kiri) merakam kenangan bersama Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Douglas Uggah Embas (dua kanan), Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Dato Gerald Rentap Jabu (kanan) dan Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Datuk Sebastian Ting (kiri) semasa berada di pekarangan DUN hari ini. - *Gambar Chimon Upon*

KUCHING: Sarawak memerlukan sekurang-kurangnya 1,000 doktor veterinar bertauliah termasuk saintis haiwan dan para veterinar menjelang 2030, menurut Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah itu ketika menyampaikan ucapan penggulungan kementeriannya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di

sini hari ini, berkata buat masa ini, hanya 96 doktor veterinar yang bekerja di kedua-dua sektor awam dan swasta di Sarawak.

Susulan itu katanya, bagi menangani masalah kritikal itu, cadangan penubuhan Pusat Pengajian Perubatan Veterinar di Semenggok telah dikemukakan.

“Kementerian saya bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan

Bakat (MEITD) dalam merealisasikan penubuhan Pusat Pengajian Perubatan Veterinar.

“Beberapa pertemuan antara kementerian saya dan MEITD bersama-sama dengan UPM telah diadakan untuk membincangkan dan memuktamadkan model pengurusan bagi cadangan Pusat Pengajian Perubatan Veterinar,” katanya.

Dr Rundi menambah, Senat UPM telah mengesahkan cadangan model pengurusan yang digubal oleh Pasukan Petugas.

Dengan penubuhan Pusat Pengajian Perubatan Veterinar ini juga katanya, ia akan memperkukuh perkhidmatan veterinar di Sarawak untuk membasmi penyakit zoonotik dan mempercepatkan pembangunan industri ternakan bernilai RM3 bilion di Sarawak.

“Selain itu, kementerian saya menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sarawak telah membentangkan cadangan penstrukturan semula untuk penambahan 566 jawatan kepada Jawatankuasa Pembangunan Organisasi Sarawak (SODC) yang telah dipersetujui secara prinsip pada 21 Ogos 2024,” jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Dr Rundi memaklumkan bahawa setakat Oktober 2024, pembinaan Loji Penghancur Kernel (Kernel Crushing Plant) sedang berjalan lebih awal daripada jadual dan dijangka siap pada Disember tahun ini serta mula beroperasi pada awal 2025.

Loji itu diunjurkan menghasilkan 13,500 tan metrik ‘palm kernel cake’ setiap tahun, yang akan digunakan sebagai bahan utama dalam pengeluaran makanan haiwan.

Pembinaan loji ini katanya, merupakan salah satu inisiatif kerajaan negeri untuk mengurangkan kebergantungan kepada jagung import dan bahan makanan bagi haiwan di Sarawak, susulan peningkatan semakin meningkat.

“Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) kini sedang mewujudkan sumber khusus bahan mentahnya sendiri dengan menggunakan biojisim sawit dan produk sampingannya.

“Walaupun produk minyak sawit tidak dapat menggantikan sepenuhnya keperluan bahan import seperti jagung dan makanan kacang soya, inisiatif ini akan

memastikan bekal bahan mentah yang konsisten dan lebih murah untuk pengeluaran makanan haiwan,” katanya. -
[UTUSANBORNEO](#)

7 Maut Akibat Penyakit Anjing Gila

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	19 Nov



GAMBAR hiasan. FOTO Arkib NSTP.

Kuching : Sebanyak tujuh mangsa maut dijangkiti penyakit anjing gila atau rabies di Sarawak tahun ini.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom berkata, jumlah itu menjadikan keseluruhan kematian akibat rabies sejak 2017 adalah seramai 75 mangsa.

Beliau berkata, sejak wabak rabies diisytiharkan pada 2017, sebanyak 82 kes rabies menjangkiti manusia direkodkan.

"Berikutan kes jangkitan yang masih berlaku, kerajaan Sarawak terus menjalankan pelbagai program seperti Persidangan Rabies di Borneo (RIB) yang diadakan pada Oktober lalu.

"Lebih 300 peserta termasuk perwakilan asing dari Australia, Brunei, Indonesia dan Sabah menyertai persidangan itu dengan objektif untuk membanteras rabies di Pulau Borneo menjelang 2030," katanya dalam ucapan penggulungan kementeriannya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN)

Sarawak, hari ini.

Dr Rundi berkata, sehingga 7 November lalu, 114 daripada 822 sampel haiwan diuji positif rabies, dengan 74 kes dikenal pasti di Kuching, Serian (6), Sri Aman (4), Samarahan (8), Kapit (4), Mukah (4) dan Bintulu (14).

Menurutnya, berikutan jumlah anjing yang didapati positif rabies yang tinggi di Kuching, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak melancarkan Operasi Rabies Bersepadu di bandar raya itu dengan memberi tumpuan kepada kawasan dengan insiden tertinggi kes rabies manusia.

"Operasi itu bertujuan untuk menjalankan pemeriksaan dari rumah ke rumah untuk memastikan pematuhan pelesenan anjing, vaksinasi rabies dan penyingkiran anjing liar yang disasarkan.

"Agensi yang terbabit dalam operasi itu termasuk Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak, Polis Diraja Malaysia, Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak serta pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan berkaitan.

"Sehingga Oktober lalu, sejumlah 13,757 ekor anjing sudah divaksinasi dan

Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan terus menjalankan vaksinasi besar-besaran di seluruh Sarawak serta meningkatkan pelbagai program kesedaran," katanya.

Menurutnya, penubuhan Pasukan Veterinar Bergerak (VMT) juga akan dipercepatkan bagi memberi perlindungan vaksinasi kepada sekurang-kurangnya 50,000 anjing setiap tahun.-

[MYMETRO](#)

13,757 Anjing divaksin Cegah Rabies

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Suara Sarawak	Artikel	Online	20 Nov



KUCHING: Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Datuk Seri Dr Stephen Rundi Atom mendedahkan, sebanyak 74 kes dikenal pasti positif rabies di Kuching.

Ia diikuti 14 di Bintulu, Samarahan (lapan), Serian (enam), manakala masing-masing empat kes di Sri Aman, Kapit dan Mukah.

"Tujuh kematian akibat wabak rabies direkodkan di Sarawak tahun ini menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian

disebabkan penyakit anjing gila itu adalah sebanyak 75 kes sejak 2017.

"Jumlah kematian itu dicatatkan membabitkan sejumlah 82 kes keseluruhan yang berlaku di negeri ini," katanya ketika menyampaikan ucapan penggulungan kementerianannya pada persidangan DUN Sarawak, di sini, hari ini.

Pada masa sama kata Rundi, sejumlah 13,757 ekor anjing divaksin setakat Oktober lepas seiring pelaksanaan 'Operasi Memerangi Rabies

Secara Bersepadu' di bandar yang memberi tumpuan kepada kawasan tertinggi kes rabies direkodkan.

Jabatan Veterinar Sarawak (DVS) Sarawak katanya, akan terus menjalankan vaksinasi secara besar-besaran di seluruh Sarawak selain mempercepat penubuhan Pasukan Mudah Alih Veterinar (VMT) dalam usaha pemberian vaksin sekurang-kurangnya kepada 50,000 anjing setiap tahun.

Dalam perkembangan lain, Dr Rundi berkata Sarawak masih bebas daripada Penyakit Kaki dan Mulut (FMD) berikutan usaha berkesan DVS Sarawak mencegah penularan penyakit itu dari Kalimantan.

Sarawak dan Sabah kini juga diiktiraf sebagai Zon Bebas Penyakit FMD oleh Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) sejak 2004; membolehkan Sarawak mengeksport babi hidup ke Singapura.

"DVS Sarawak juga berjaya membasmi Penyakit Demam Babi Afrika (ASF) yang memusnahkan industri penternakan babi," katanya.

Sementara itu kata Dr Rundi, kementerian juga mengambil langkah penting untuk meningkatkan biosekuriti bagi menangani isu bahan

makanan tercemar yang dibawa masuk ke Sarawak.

Katanya, kertas kerja penubuhan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Sarawak (SAQIS) kini berada di peringkat akhir bersama-sama draf ordinan yang akan menyokong operasinya.

"Matlamat kami adalah untuk mendapatkan kelulusan penubuhan jabatan ini tahun depan, dalam memastikan kualiti makanan yang diterima dalam kalangan penduduk di Sarawak tidak tercemar dengan bahan kimia dan racun perosak berlebihan," katanya.-

[SUARASARAWAK](#)

JPVS, UPM, CENTEXS Laksana Kursus Penternakan, Pengurusan Kerbau

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Suara Sarawak	Artikel	Online	20 Nov



Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom bercakap pada sidang media selepas menyampaikan penggulangan kementeriannya pada persidangan DUN Sarawak.

KUCHING: Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Pusat Kecemerlangan Teknologi Sarawak (CENTEXS) dalam melaksanakan kursus penternakan dan pengurusan kerbau.

Menterinya, Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom berkata, kursus tersebut diadakan di Stesen Penternakan Maragang, Lawas dan

dijangka bermula pada April 2025.

“Kementerian juga melaksanakan lima program latihan iaitu Program Latihan Pembangunan Modal Insan Luar Bandar, Pertanian Moden Lestari melalui Program Teknokeusahawanan Luar Bandar (SMART), Program Pertanian Pintar, Program Pertanian Bestari Sekolah (Untuk Sekolah Luar Bandar) dan Program Latihan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) dan Digital Luar Bandar,” katanya

berucap sempena
penggulangan
kementeriannya sempena
persidangan Dewan
Undangan Negeri (DUN)
Sarawak, di sini hari ini.

Rundi berkata, program-program ini bertujuan untuk mempercepat penggunaan ICT dan mendedahkan peserta kepada konsep pertanian pintar dalam kalangan masyarakat luar bandar.

Sehingga kini, katanya sebanyak 25 siri program dijalankan di seluruh Sarawak melibatkan 719 peserta.-[SUARASARAWAK](#)

Perlu 1,000 Veterinar Bertauliah Menjelang 2030

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Suara Sarawak	Artikel	Online	20 Nov



Datuk Sri Dr Stephen Rundi Utom

KUCHING: Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah memerlukan 1,000 veterinar bertauliah termasuk saintis haiwan menjelang 2030.

Menterinya, Datuk Seri Dr Stephen Rundi berkata, ketika ini terdapat 96 veterinar yang berkerja di sektor awam dan seluruh negeri.

Justeru bagi menangani kekurangan kritikal veterinar di Sarawak, penubuhan Pusat Pengajian Perubatan Veterinar di Semenggok dicadangkan.

“Kementerian saya bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (MEITD) dalam menubuhkan Pusat Pengajian Perubatan Veterinar menjadi realiti.

“Beberapa pertemuan antara kementerian saya dan MEITD bersama-sama UPM (Universiti Putra Malaysia) mengadakan perbincangan dan memuktamadkan model pengurusan untuk Pusat Pengajian Perubatan Veterinar,” katanya ketika menyampaikan ucapan penggulungan

kementeriannya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, di sini hari ini.

Tambah Rundi, Senat UPM juga mengesahkan cadangan model pengurusan yang digubal oleh pasukan petugas.

Jelasnya, dengan penubuhan pusat tersebut, ia memperkasakan perkhidmatan veterinar di Sarawak untuk membanteras penyakit zoonosis dan mempercepat pembangunan industri ternakan bernilai RM3 bilion di Sarawak.

Kementeriannya melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Sarawak membentangkan cadangan penstrukturan semula untuk penambahan 566 jawatan kepada Jawatankuasa Pembangunan Organisasi Sarawak (SODC) yang dipersetujui secara prinsip pada 21 Ogos 2024.-
[SUARASARAWAK](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR